

MAHATHIR-KERETA

1978

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) — PERSATUAN PEMASANG-PEMASANG KERETA MALAYSIA TELAH BERSETUJU MENUBUHKAN SATU PANEL PAKAR-PAKAR UNTUK MENJALANKAN KAJIAN MENYELURUH KE ATAS PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN MUTU DI KILANG-KILANG MEMASANG KERETA TEMPATAN.

PANEL BEBAS ITU AKAN MENILAI PERATURAN-PERATURAN YANG ADA DAN JIKA DIDAPATI TIDAK MENCUKUPI, AKAN MEMBUAT SYOR UNTUK MEMBAIKINYA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KEMENTERIANNYA MUNGKIN MEMINTA PANEL ITU MEMERIKSA KECACATAN TEKNIK KERETA-KERETA YANG DIPASANG TEMPATAN.

DALAM UCAPAN YANG DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, ENCIK ABDUL MANAN OTHMANKDI JAMUAN MALAM PERSATUAN ITU DI SINI, BELIAU BERKATA KEMENTERIANNYA PADA AMNYA PUASHATI DENGAN PIAWAIAN MUTU KERETA-KERETA YANG DIPASANG DI NEGARA INI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA ADA BEBERAPA JENIS KERETA DAN MODEL YANG MERISAUKAN DAN BELIAU MEMINTA INDUSTRI ITU SUPAYA MEMERIKSA PIAWAIAN KERETA-KERETA ITU. — BERSAMBUNG 2012/ZCM

B690:

MAHATHIR - KERETA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIANNYA TELAH MENEMUI HALANGAN APABILA MEREKA CUBA MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI HARGA KERETA-KERETA SIAP-PASANG (CBU) UNTUK MEMBANDINGKAN DENGAN KERETA-KERETA PASANG-SIAP (CKD) MODEL YANG SAMA.

KATANYA MAKLUMAT BEGITU BUKAN SAHAJA AKAN MENOLONG KEMENTERIANNYA PENILAI SEBAB-SEBAB UNTUK MENUKARKAN HARGA TETAPI JUGA MENOLONG ANGGOTA-ANGGOTA PERSATUAN MENDAPATKAN HARGA YANG BERPATUTAN DARI PEMBEKAL UTAMA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENERIMA LAPORAN-LAPORAN DARI PEMBAHAGI-PEMBAHAGI KERETA MENJALANKAN KEGIATAN UNTUK MEROSAKKAN USAHA MENOLONG BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN KERETA.

BELIAU PERCAYA MASIH ADA RUANG UNTUK MEMAJU PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN MOTOR DAN BELIAU MENYERU PERSATUAN ITU SERTA PERSATUAN PENIAGA-PENIAGA MOTOR SUPAYA MENGADAKAN RANCANGAN UNTUK MENGGALAKKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG LEBIH DALAM INDUSTRI ITU. — BERNAMA 2015/ZCM

MAHATHIR-KERETA 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNG BERITA 690)

PENGERUSI PERSATUAN ITU, DATUK ABDULLAH SAHAT DALAM UCAPANNYA MENYERU PIHAK BERKUASA BERKENAAN SUPAYA MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PERSATUAN ITU BERHUBUNG DENGAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN PERINDUSTRIAN PEMASANGAN KERETA APABILA MEBUAT UNDANG-UNDANG SEPERTI TALIPINGGANG KELEDAR DAN PERATURAN CERMIN GELAP.

ADALAH BERFAEDAH BAGI KEDUA PIHAK JIKA PERSATUAN ITU DIMINTA PANDANGANNYA.

PAGAIMANAPUN BELIAU MENYATAKAN PENGHARGAAN TENTANG KEFAHAMAN KERAJAAN MENGENAI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN INDUSTRI PEMASANGAN KERETA.

MENURUT DATUK ABDULLAH, DALAM TAHUN 1968 HANYA ADA TUJUH KILANG MEMASANG KERETA TETAPI SEKARANG INI ADA 11 BUAH YANG MEMASANG 25 JENIS KERETA PENUMPANG MENGANDUNGI 49 MODEL 16 JENIS KENDERAAN PERDAGANGAN MENGANDUNGI 85 MODEL.

NENGENAI TUDUHAN YANG MENGATAKAN PIHAK PEMASANG KURANG MENGAWASI KAWALAN MUTU, BELIAU BERKATA PIHAK PENGELUAR SAMA ADA MENEMPATKAN WAKILNYA DI KILANG-KILANG ATAU MEMBUAT LAWATAN YANG KERAP UNTUK MENETUKAN KENDERAAN YANG DIPASANG TIDAK KURANG MUTUNYA DARI YANG DIKELUARKAN OLEH PENGELUAR-PENGELUAR ITU SENDIRI.

DATUK ABDULLAH MENEKANKAN SISTEM PENGAWALAN MUTU UJUD DI SEMUA KILANG DAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN YANG KETAT DIJALANKAN DALAM SEMUA PERKARA. --BERNAMA 2145/MD